

<p align="justify">Kosmo : 14 September 2006</p><p align="justify">KUALA LUMPUR-♦
Spekulasi♦ yang ditimbulkan rakan-rakannya bahawa haraga kereta jatuh mendadak tahun ini
menyebabkan Ng Boon Chye, 32, terjerat dan kalah semasa perbicaraannya.♦♦ Semasa
membentangkan hujah di Tribunal Tuntutan♦ Pengguna Malaysia (TTPM) Boon Chye
berkata, pada awal Disember lalu dia memgunjungi bilik pameran UMW Toyota Motor Sdn Bhd
di Shah Alam. </p><p align="justify">Dia yang berhasrat memiliki kereta model Vios 1.5E(A)
telah mengemukakan permohonan pembelian bertarikh 27 Disember 2005.♦ Nasib tidak
menyebelahi dirinya apabila impian memiliki kereta itu seawal mungkin gagal kerana
permohonan pinjaman bank ditolak.♦ Bagaimanapun, setelah UMW Toyota membantu♦
mendapatkan pinjaman♦ pada 24 Januari lalu kereta idamannya itu diserahkan kepadanya.
</p><p align="justify">♦Kata Boon Chye, semasa dalam proses rayuan pinjaman bank itu
dilakukan oleh penentang, dia diuar-uarkan oleh rakan-rakannya bahawa harga kereta akan
turun di sebabkan ketidakstabilan ekonomi negara.♦♦ Oleh demikian, Boon Chye yang juga
merupakan ahli perniagaan membuat kesimpulan dia diperdaya oleh pihak UMW Toyota untuk
membeli kereta itu dengan kadar segera bagi mengaut keuntungan. </p><p align="justify">Dia
bengang kerana jika membeli kereta selepas tarikh♦ pembelian itu, dia jimat RM4,500.♦♦♦
Sehubungan itu,♦ Boon Chye menuntut perbezaan harga itu dikembalikan kepadanya.♦
Sebaliknya, pihak UMW Toyota menjelaskan di tribunal , selaku pengedar , mereka sendiri tidak
tahu menahu bahawa harga kereta akan jatuh pada Mac tahun ini.♦♦ Jadi, mereka
beranggapan adalah tidak wajar Boon Chye mendakwa pihak syarikat itu memperdayakannya
sedangkan urusan penurunan harga kereta diputuskan Dasar Automotif Nasional (DAN)♦
dan♦ tidak kena mengena dengan UMW.♦♦ </p><p align="justify">Menurut Presiden♦ TTPM
Jailani Rahman, hujah pembelaan UMW berasas dan membidas Boon Chye yang menjadikan
spekulasi luaran sebagai alasanya mengheret kes ini ke tribunal.♦ Justeru, tuntutan pihak yang
menuntut ditolak oleh Jailani.♦♦♦♦♦♦♦♦♦♦♦♦♦♦♦♦ </p><p align="justify"> </p>